



Ruj. Kami : JANM.TAW.600-1 Jld 4(26)  
Tarikh : 14 September 2023

Ketua Jabatan,  
Pusat Tanggungjawab (PTJ) / Pusat Pembayar Gaji,  
Tawau/Semporna/Kunak/Lahad Datu

Tuan/Puan,

**PEMAKLUMAN KOD POTONGAN GAJI BAGI PEGAWAI MENDUDUKI RUMAH BIASA KERAJAAN (KUARTERS)**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan e-mel BPOPA bertarikh 04 September 2023 adalah berkaitan.

2. Adalah dimaklumkan bahawa terdapat perubahan pada kod potongan gaji bagi pegawai yang menduduki rumah biasa kerajaan seperti ketetapan berikut:

2.1 **Wage Type 4547** - Bayaran perbezaan bagi pegawai yang menduduki rumah biasa kerajaan (kuarters) yang kelasnya lebih tinggi daripada kelayakan.

2.2 **Wage Type 4152** - Bayaran sewaan dua kali ganda (sewaan berganda) dikenakan kepada pegawai yang telah memiliki rumah sendiri di bawah pinjaman LPPSA dan masih menduduki kuarters kerajaan.

3. Sehubungan dengan itu, PTJ hendaklah menggunakan kod potongan gaji yang dinyatakan seperti di atas semasa mengunci masuk perubahan gaji di sistem HCM.

4. Kerjasama dan perhatian pihak tuan/puan berhubung perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

**"MALAYSIA MADANI"**  
**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

***"Memperkasa Budaya Inovasi Pendigitalan"***

Saya yang menjalankan amanah,

**(NIZAM BIN LIMUN C.A(M), ACMA, CGMA)**

Pengarah  
Jabatan Akauntan Negara Malaysia,  
Cawangan Tawau.